

Parti Politik Beri Maklum Balas Positif Kepada SPR Kendali PRU-13
Bernama
6 Disember, 2012

KUALA TERENGGANU, 6 Dis (Bernama) -- Semua parti politik memberi maklum balas positif kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bagi mengendalikan pilihan raya umum ke-13 selepas beberapa sesi taklimat dan simulasi dijalankan di seluruh negara, menurut SPR pada Khamis.

Timbalan Setiausaha SPR Datuk Noordin Che Ngah berkata semua yang menyertai taklimat dan simulasi itu, sama ada parti komponen Barisan Nasional atau parti pembangkang, jelas dan faham tentang beberapa kekeliruan yang timbul sebelum ini.

"Sambutan yang diterima baik sekali setakat ini, dan apa yang penting, kami dapat jelaskan beberapa kekeliruan dalam kalangan pemimpin dan ahli bawahan parti," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat dan simulasi kepada sekumpulan pemimpin dan ahli parti politik mengenai kekeliruan berkaitan langkah pembaharuan yang akan dilakukan SPR pada PRU-13 di sini.

Pada sesi taklimat itu, kira-kira 50 wakil dari Umno, MCA, MIC, Gerakan, PAS, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri, hadir.

Menurut Noordin, kekeliruan yang timbul dalam kalangan mereka adalah berkaitan undi pos, undi awal serta penggunaan dakwat kekal yang akan dilaksanakan pada pilihan raya umum nanti.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714513>